



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KUALITI MASA PEMBELAJARAN AKADEMIK DALAM
PENDIDIKAN JASMANI: KAJIAN KES DI SEKOLAH
MENENGAH DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR**

JULISMAH BINTI JANI

FPP 1994 13



**KUALITI MASA PEMBELAJARAN AKADEMIK DALAM
PENDIDIKAN JASMANI: KAJIAN KES DI SEKOLAH
MENENGAH DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR**

JULISMAH BINTI JANI

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

1994



**KUALITI MASA PEMBELAJARAN AKADEMIK DALAM
PENDIDIKAN JASMANI: KAJIAN KES DI SEKOLAH
MENENGAH DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR**

Oleh

JULISMAH BINTI JANI

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk Mendapatkan
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia**

Oktober 1994



Bonda ...

terima kasih di atas doamu

dan

'T'...

Terima kasih di atas pertolonganmu

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, penyelidik dapat menyiapkan tesis ini dalam jangka masa dua tahun.

Sehubungan itu, dengan tulus ikhlas diucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan saya, Dr. Jabar bin Hj. Johari. Ucapan tersebut dirakam kerana sumbangan beliau yang banyak dalam memberikan ide, bimbingan, saranan dan teguran membina dari awal tesis ini dirancang sehingga selesai. Seterusnya pendekatan beliau terhadap mempersembahkan kerja berasaskan kualiti yang tinggi sangat-sangat di hargai.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih turut ditujukan kepada Dr. Rohani binti Ahmad Tarmizi dan Dr. Kalsom Faezah binti Mohamed, selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya. Ucapan tersebut adalah kerana jasa beliau dalam menyumbangkan ide, saranan dan bimbingan di sepanjang proses penulisan tesis ini dijalankan.

Ucapan ribuan terima kasih kepada Datin Dr. Azizah binti Abdul Rahman yang turut memberikan pandangan dan galakan kepada saya menyiapkan tesis ini.

Seterusnya, ucapan ribuan terima kasih kepada Pengetua, guru Pendidikan Jasmani dan pelajar di Sekolah Menengah Taman Kosas, SM

Taman Saraya, SM Abdul Jalil, SM Perimbun, SM Sultan Abdul Aziz Shah, SM Yu Hua, SM Jalan Bukit, SM Bandar Baru Bangi, SM Engku Husain dan SM Khir Johari. Ucapan ini adalah atas sumbangan mereka dalam memberikan kerjasama ketika kajian ini dijalankan.

Sehubungan itu, ucapan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, Selangor kerana membenarkan saya menjalankan kajian ini di sekolah menengah daerah Hulu Langat, Selangor.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ayahbonda yang dikasihi kerana sentiasa mendoakan kejayaan saya. Seterusnya, ucapan terima kasih kepada rakan yang turut memberikan galakan untuk saya menyiapkan tesis ini.

Hanya Allah yang dapat membalas segala jasa dan budi baik pihak yang terlibat dengan kajian ini. Kepada-Nya saya berserah dan mohon restu semoga diberkati segala usaha ini dan memperoleh kejayaan.

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iii	
SENARAI JADUAL	viii	
SENARAI RAJAH	ix	
SENARAI SINGKATAN	x	
ABSTRAK	xi	
ABSTRACT	xv	
BAB		
I	PENDAHULUAN	
	Pernyataan Masalah	5
	Objektif Kajian	7
	Soalan Kajian	8
	Hipotesis Kajian	10
	Kepentingan Kajian	11
	Batasan Kajian	13
	Definisi Operasional	14
II	SOROTAN LITERATUR	18
	Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani di Negara Barat	19
	Konseptual Teoritis	28
III	KAEDAH PENYELIDIKAN	39
	Kerangka Konseptual	39
	Reka Bentuk Penyelidikan	42
	Instrumentasi kajian	43
	Aras Kandungan	45
	Aras Penglibatan Pelajar	49
	Tempat Kajian	51
	Prosedur Memilih Sekolah	52
	Subjek Kajian	55
	Pemilihan Sampel Kajian	56
	Prosedur Mendapatkan Data	58
	Prosedur Mengumpul Maklumat	58
	Prosedur Mentadbir Instrumen	59
	Prosedur Pemerhatian	59
	Kajian Rintis	61
	Menetapkan Kesahan Alat Ukur	62
	Menetapkan Kebolehpercayaan Pemerhatian	63
	Pemprosesan dan Analisis Data	63



IV	KEPUTUSAN KAJIAN	66
	Maklumat Guru Pendidikan Jasmani, Pelajar dan Jadual Waktu Pendidikan Jasmani	67
	Skor Masa bagi Kriteria Aras Penglibatan Pelajar dan Aras Kandungan	72
	Keputusan Pembolehkan Kajian	80
	Keputusan Korelasi di antara Pasangan Pembolehkan Kajian	89
V	PERBINCANGAN	94
	Keputusan Pembolehkan Kajian	97
	Masa Sebenar Mengajar dalam Pendidikan Jasmani	97
	Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani	99
	Masa Tugas Pelajar dalam Pendidikan Jasmani	105
	Masa Tugas Kandungan dalam Pendidikan Jasmani	107
	Masa Menunggu dalam Pendidikan Jasmani	108
	Masa Pengurusan dalam Pendidikan Jasmani	108
	Hubungan di antara Pasangan Pembolehkan Kajian	109
VI	KESIMPULAN	114
	Kesimpulan	114
	Cadangan Kajian	116
	Pendekatan Melaksanakan Program Pendidikan Jasmani	117
	Akauntabiliti Pendidikan Jasmani	119
	Pelarasan Jadual Waktu Pendidikan Jasmani	120
	RUJUKAN	122
	LAMPIRAN-LAMPIRAN	
	A Lembaran Jeda Berkod: Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani	129
	B Surat-Surat Kebenaran	130

Muka Surat

B-1 Surat Kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia	131
B-2 Surat Kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri, Negeri Selangor Darul Ehsan	132
B-3 Surat Sokongan Kebenaran Menjalankan Kajian ke Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor	135
C Senarai Sekolah Menengah yang Terpilih dalam Kajian dan telah Disahkan oleh Penolong Pegawai Pendidikan (Menengah) Daerah Hulu Langat, Selangor	136
D Peta Lokasi Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor	139
VITA	140



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Senarai Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor	53
2	Senarai Sekolah yang Terpilih dalam Kajian	55
3	Bilangan dan Peratus Guru Pendidikan Jasmani di Sepuluh Buah Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor	57
4	Senarai Butiran Guru Pendidikan Jasmani	62
5	Kelulusan Guru Pendidikan Jasmani	68
6	Kelas Aliran Pelajar	69
7	Peruntukan Masa dalam Seminggu bagi Jadual Waktu Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK)	70
8	Skor Masa Kriteria Aras Penglibatan Pelajar dalam Pendidikan Jasmani	73
9	Skor Masa Kriteria Aras Kandungan dalam Pendidikan Jasmani	76
10	Masa Sebenar Mengajar dalam Satu Waktu Pelajaran Pendidikan Jasmani	81
11	Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani	84
12	Masa Tugas Pelajar, Masa Tugas Kandungan, Masa Menunggu dan Masa Pengurusan daripada Masa Sebenar Mengajar Pendidikan Jasmani	87
13	Keputusan Korelasi di antara Pasangan Pembolehubah Kajian	91

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Proses Pembelajaran Berdasarkan Teori Pembelajaran Gagne	29
2	Interaksi di antara Objektif, Pelajar dan Isi Pengajaran. Komponen Pelajar sebagai Fokus kepada Proses Pengajaran	32
3	Interaksi di antara Guru, Objektif dan Isi Pengajaran. Komponen guru sebagai Fokus kepada Proses Pengajaran	33
4	Interaksi di antara Guru, Objektif dan Pelajar. Komponen Objektif sebagai Fokus kepada Proses Pengajaran	34
5	Interaksi di antara Guru, Pelajar dan Isi Pengajaran. Komponen Isi Pengajaran sebagai Fokus kepada Proses Pengajaran	35
6	Interaksi di antara Persekitaran, Guru dan Pelajar. Komponen Persekitaran sebagai Fokus kepada Proses Pengajaran	36
7	Model Pengajaran Kelas	37
8	Kerangka Konseptual Kajian Masa Pembelajaran Akademik dalam Pendidikan Jasmani	41

SENARAI SINGKATAN

- ALT-PE** - 'Academic Learning Time in Physical Education'
BTES - 'Beginning Teacher Evaluation Study'
IOA - 'Interobserver Agreement'
KBSM - Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
PJK - Pendidikan Jasmani Kesihatan

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**KUALITI MASA PEMBELAJARAN AKADEMIK DALAM
PENDIDIKAN JASMANI: KAJIAN KES DI SEKOLAH
MENENGAH DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR**

oleh

JULISMAH BINTI JANI

Oktober 1994

Pengerusi: Dr. Jabar bin Hj. Johari

Fakulti: Fakulti Pengajian Pendidikan

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah selalunya dianggap tidak penting. Maka, mata pelajaran tersebut boleh diajar oleh guru yang tidak dilatih khas dalam Pendidikan Jasmani. Tambahan pula, tidak ada sistem penilaian yang rapi dalam Pendidikan Jasmani. Dengan ini, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani tidak mempunyai akademik akauntabiliti untuk meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan pelajar dari aspek fizikal, mental, sosial, emosi dan rohani secara seimbang.

Bagi mengatasi tanggapan tersebut penyelidik telah menjalankan kajian tentang masa pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani. Masa tersebut adalah masa pelajar tumpukan dalam melakukan aktiviti atau tugas yang relevan dengan objektif pengajaran. Penyelidik telah menjalankan kajian dengan membuat pemerhatian sistematik yang piawai di sepanjang masa pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani.



Sehubungan itu, penyelidik telah menggunakan format pemerhatian yang dipadankan daripada kajian Siedentop, Tousignant dan Parker (1982).

Tujuan kajian adalah untuk mengkaji masa pembelajaran akademik dalam satu waktu pelajaran Pendidikan Jasmani. Di samping itu, masa sebenar mengajar, masa tugas pelajar, masa tugas kandungan, masa menunggu dan masa pengurusan turut dikaji. Seterusnya, hipotesis menunjukkan ada hubungan di antara masa pembelajaran akademik dengan masa tugas pelajar, masa pembelajaran akademik dengan masa tugas kandungan, masa tugas pelajar dengan masa tugas kandungan, masa tugas pelajar dengan masa sebenar mengajar, masa tugas kandungan dengan masa menunggu, masa tugas kandungan dengan masa sebenar mengajar dan masa pengurusan dengan masa sebenar mengajar turut dikaji.

Penyelidik telah menjalankan kajian ke atas 40 orang pelajar yang melibatkan 20 orang guru Pendidikan Jasmani di sepuluh buah sekolah menengah daerah Hulu Langat, Selangor. Berdasarkan keputusan kajian, purata masa pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani adalah 3.5 minit. Kadar masa tersebut adalah 13.4 peratus daripada purata masa sebenar mengajar, iaitu 25.9 minit. Sehubungan itu, keputusan kajian menunjukkan bahawa purata masa bagi tugas pelajar adalah 18.9 minit, tugas kandungan adalah 22.5 minit, menunggu adalah 5.4 minit dan pengurusan adalah 0.4 minit.

Seterusnya, hipotesis kajian mendapati ada hubungan yang signifikan di antara masa pembelajaran akademik dengan masa tugas

pelajar, masa pembelajaran akademik dengan masa tugas kandungan, masa tugas pelajar dengan masa tugas kandungan, masa tugas pelajar dengan masa sebenar mengajar dan masa tugas kandungan dengan masa sebenar mengajar.

Berdasarkan dapatan kajian ini, penyelidik merumuskan bahawa masa pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan Jasmani di sekolah yang dikaji adalah minimum. Maka, pelajaran tersebut telah menggambarkan ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran yang kurang akademik serta kualiti yang rendah. Seterusnya, penyelidik merumuskan bahawa masa pembelajaran akademik meningkat apabila masa tugas pelajar dan masa tugas kandungan meningkat. Sebaliknya, jika masa menunggu dan masa pengurusan dikurangkan, masa pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani bertambah.

Kesimpulan hasil kajian menunjukkan bahawa masa pembelajaran akademik penting sebagai petunjuk terhadap kualiti dan akauntabiliti Pendidikan Jasmani. Oleh itu, tindakan yang konkrit perlu diambil segera untuk mengatasi masalah ini. Sehubungan itu, kajian lanjutan berkaitan masa pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani perlu dijalankan oleh pihak berkenaan. Tindakan tersebut adalah untuk mengatasi masalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani di sekolah menengah masa kini.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**THE QUALITY OF ACADEMIC LEARNING TIME IN
PHYSICAL EDUCATION: A CASE STUDY OF SECONDARY
SCHOOLS IN HULU LANGAT DISTRICT, SELANGOR**

By

JULISMAH BINTI JANI

October 1994

Chairman: Dr. Jabar bin Hj. Johari

Faculty: Faculty of Educational Studies

Physical education in secondary schools has been generally perceived as unimportant. This subject has been taught by teachers who were untrained in physical education. In addition, there is no comprehensive evaluation in physical education. Thus, teaching and learning physical education was not accorded academic accountability for the growth and development of physical, mental, social, emotional and spiritual balance of the student. To justify these misconceptions, the study of academic learning time in physical education was conducted.

Academic learning time in physical education is defined as the amount of time a student engaged in relevant instructional activities. This study was conducted through standard systematic observation throughout a lesson. The instrument used in this study was 'the academic learning time observational format' introduced by Siedentop, Tousignant and Parker (1982).



The purpose of the study was to determine how much academic learning time took place during a period of regular physical education classes. The study further examined the allocated time, the students' engaged time, the content engaged time, the waiting time and the management time. It was hypothesised that there is relationship between academic learning time and students' engaged time, academic learning time and content engaged time, students' engaged time and content engaged time, students' engaged time and allocated time, content engaged time and waiting time, content engaged time and allocated time and management time with allocated time.

The subjects were 40 students and 20 physical education teachers from ten secondary schools in Hulu Langat district, Selangor. The study showed that an average of 3.5 minutes was engaged in academic learning time in physical education. This was 13.4 percent of the average time allocated for physical education. The results of other variables such as students' engaged time was 18.9 minutes, content engaged time was 22.5 minutes, waiting time was 5.4 minutes and management time was 0.4 minutes.

Furthermore, as hypothesised the results indicated significant correlation between academic learning time with students' engaged time, academic learning time with content engaged time, students' engaged time with content engaged time, students' engaged time with allocated time and content engaged time with allocated time.

Based on the findings of this study, it was concluded that the academic learning time in physical education was low. Thus, it did not contribute greatly in physical education for its quality and accountability. This study further concluded that the more time a student spends engaged in relevant instructional activities, the more academic learning time in physical education the student acquired. However, if waiting time and management time decreases, academic learning time in physical education increases.

Due to the outcome of the research, this study showed that academic learning time is important as an indicator to quality and accountability in physical education. Therefore, a concrete immediate action should be taken to overcome this problem. Besides, a need for further research on academic learning time in physical education should be taken by authority concerned. The action taken was to determine the problem on academic learning in physical education in secondary schools today.

BAB 1

PENDAHULUAN

Pendekatan pengajaran Pendidikan Jasmani telah mengalami pelbagai perubahan dan reformasi pendidikan di Malaysia. Perubahan tersebut adalah untuk menyesuaikan pendidikan yang ada dengan perubahan sosio-ekonomi, kemajuan sains serta teknologi dan perkembangan maklumat. Justeru itu, adalah perlu terlebih dahulu kita memahami dengan jelas konsep serta sejarah perkembangan Pendidikan Jasmani. Dengan ini, membolehkan kita melihat secara lebih kritikal akan pendekatan pengajaran serta kedudukan pendidikan jasmani masa kini dan kemampuannya pada masa hadapan.

Pada zaman kolonial (1821-1870), Pendidikan Jasmani dianggap sebagai suatu mata pelajaran hanya untuk memenuhi masa lapang. Kegiatan Jasmani adalah secara tidak formal dan pelajar mempelajari aktiviti jasmani dengan meniru perlakuan orang dewasa. Di antara aktiviti yang dipelajari secara pilihan adalah berkawad, seni mempertahankan diri, berkebun dan berenang.

Pada tahun 1890an pula, Pendidikan Jasmani formal dikenali sebagai Latihan Jasmani. Pelajar perempuan diajar aktiviti olahraga dan pelajar lelaki diberi latihan tubi senaman jasmani supaya mereka lebih berdisiplin dan mengikut peraturan sekolah (Collinge, 1894).

Dalam tahun 1920an, Latihan Jasmani formal telah diajar berpandukan Sukatan Latihan Jasmani 1919 yang digunakan di Britain.



Aktiviti yang dilakukan adalah seperti senaman beramai-ramai, latih tubi senaman jasmani dan olahraga. Aktiviti tersebut diajar tanpa memberi penekanan kepada pendidikan.

Semasa penjajahan Jepun (1942-1945), Latihan Jasmani telah berubah kepada latihan yang berbentuk ketenteraan. Aktiviti yang dilakukan terdiri daripada senaman beramai-ramai dan latih tubi. Aktiviti tersebut lebih mengutamakan keseragaman gerak untuk memupuk disiplin.

Pada tahun 1948 sekali lagi Latihan Jasmani telah mengalami perubahan, iaitu kepada senaman beramai-ramai yang berbentuk pertandingan senaman dan permainan. Seterusnya pada tahun 1950an, Latihan Jasmani dan berkebun mula diwajibkan di sekolah-sekolah. Peruntukan masa adalah setengah jam setiap hari pada awal sesi persekolahan. Konsep Latihan Jasmani pada masa itu adalah senaman untuk kegiatan 'otot dan mengeluarkan peluh'.

Selepas merdeka, Dasar Pelajaran Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961, menegaskan bahawa sukan dan senaman beramai-ramai termasuk dalam kegiatan Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979). Konsep Latihan Jasmani telah bertukar daripada senaman untuk kegiatan 'otot dan mengeluarkan peluh' kepada konsep Pendidikan Jasmani yang menitikberatkan pertumbuhan pelajar menerusi gerakerja jasmani (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972).

Melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diimplementasikan di sekolah menengah seluruh Malaysia mulai 1988, matlamat pelajaran Pendidikan Jasmani adalah untuk melahirkan pelajar

yang seimbang dan harmonis dari aspek jasmani, intelek, rohani dan emosi selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1985). Mata pelajaran ini telah digabungkan dengan Pendidikan Kesihatan yang menitikberatkan pemeliharaan dan peningkatan kesihatan serta kecergasan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992; Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Sehubungan itu, konsep Pendidikan Jasmani Kesihatan (PJK) dalam KBSM adalah berlandaskan kepada pelajar menjalankan aktiviti fizikal di samping berpengetahuan dalam pendidikan kesihatan. Tujuannya adalah untuk membina, memelihara dan meningkatkan kecergasan pelajar.

Kini konsep 'throw the balls out and let them play' (Hoffman, 1971) telah berubah kepada konsep pendidikan umum. Konsep ini mementingkan pertumbuhan potensi diri pelajar dari aspek jasmani, intelek, emosi dan rohani (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992). Konsep tersebut telah mewujudkan peranan pelajaran Pendidikan Jasmani kini, iaitu ke arah perkembangan pengajaran dan pembelajaran akademik yang berkualiti.

Proses pengajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani perlu dipertingkatkan dengan menggunakan pelbagai teknik pengajaran yang berlandaskan model, prinsip dan teori pembelajaran yang sesuai dan berkesan. Pendekatan pengajaran perlu difokuskan kepada pelajar. Sehubungan itu, proses pengajaran haruslah berasaskan interaksi di antara guru Pendidikan Jasmani dengan pelajar, ditambah dengan objektif dan kandungan pengajaran yang terancang serta persekitaran pembelajaran yang positif untuk meningkatkan kualiti pembelajaran (Asmah Hj. Ahmad, 1990; Metzler, 1990; Harrison, 1983; Mosston, 1965). Guru

Pendidikan Jasmani perlu memperuntukkan masa yang banyak untuk pembelajaran akademik dengan memberi pelajar peluang melibatkan diri dalam tugas belajar secara aktif (Parker, 1989).

Masa pembelajaran akademik adalah masa pelajar terlibat dalam melakukan aktiviti atau tugas belajar yang berkaitan dengan objektif pengajaran. Sehubungan itu, proses pengajaran yang kurang menumpu kepada penghayatan serta pemikiran kritikal pelajar, menunjukkan guru Pendidikan Jasmani gagal menepati ciri-ciri pengajaran yang berkualiti. Pengajaran Pendidikan Jasmani yang berkualiti seharusnya membimbing pelajar untuk mencapai objektif pengajaran. Guru Pendidikan Jasmani perlu menjelaskan pengenalan dan teknik sesuatu aktiviti atau tugas kepada pelajar supaya mereka mengetahui dan memahaminya. Seterusnya, mereka dapat mengaplikasi sesuatu aktiviti atau tugas dalam pelbagai situasi pembelajaran. Di samping itu, pelajar perlu diberi masa dan peluang untuk membuat analisis, intesis dan menilai aktiviti atau tugas yang dilakukan. Hasilnya, Pendidikan Jasmani dapat menepati ciri-ciri pembelajaran berkualiti.

Kualiti pembelajaran Pendidikan Jasmani bergantung kepada guru Pendidikan Jasmani menggunakan pendekatan pengajaran yang memenuhi minat dan kebolehan pelajar. Guru Pendidikan Jasmani perlu menggalakkan pelajar menguasai kemahiran berfikir dalam melaksanakan tugas belajar (Banks dan Ayres, 1993). Strategi menggalakkan pelajar berfikir secara kritikal membantu pelajar untuk lebih memahami sesuatu tugas belajar serta membantu guru Pendidikan Jasmani mencapai objektif pengajaran (Schwager dan Labate, 1993).

Pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani boleh dinilai dengan melakukan pemerhatian secara sistematik. Pemerhatian adalah berdasarkan masa yang ditumpukan oleh pelajar dalam melaksanakan tugas kandungan pengajaran dan melakukan tugas yang berkaitan dengan objektif pengajaran. Format pemerhatian tentang masa pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani adalah yang dipadankan daripada kajian Siedentop, Tousignant dan Parker (1982).

Justeru itu, penyelidik telah membuat kajian tentang masa pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani di sekolah menengah daerah Hulu Langat, Selangor. Hasil kajian tersebut, dijangka dapat menjelaskan keadaan sebenar yang berlaku dalam pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah masa kini.

Pernyataan Masalah

Pendidikan Jasmani adalah suatu mata pelajaran yang bertujuan menghasilkan pendidikan yang menyeluruh meliputi domain psikomotor, afektif dan kognitif. Oleh yang demikian, mata pelajaran tersebut memerlukan pendekatan pengajaran yang mantap serta mampu menghasilkan pendidikan yang menyeluruh untuk fizikal, mental dan rohani para pelajar. Pendekatan tersebut perlu memberi tumpuan terhadap penglibatan aktif pelajar di sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Kini, masih terdapat beberapa masalah berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan Jasmani.

Pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah menengah kurang mendapat perhatian daripada pelajar, guru dan Pengetua kerana dianggap tidak berunsur akademik. Pendekatan dan proses pengajaran Pendidikan

Jasmani diamalkan sebagai 'throw the balls out and let them play' (Hoffman, 1971). Berdasarkan tanggapan tersebut, pelajaran Pendidikan Jasmani menunjukkan ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran yang tidak berkualiti.

Sehubungan itu, perkara seperti masa pelajar menukar pakaian, masa pelajar bergerak ke tempat pengajaran Pendidikan Jasmani dijalankan, masa mengambil alatan, masa untuk pengurusan kelas dan keadaan cuaca mengganggu masa pengajaran dan pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani. Masalahnya, masa sebenar bagi proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani adalah kurang daripada 40 minit yang telah diperuntukkan di dalam jadual waktu persekolahan (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1990; Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1979 Pendidikan Jasmani). Oleh yang demikian, para guru Pendidikan Jasmani perlu memaksimumkan masa yang diperuntukan supaya pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan Jasmani menjadi lebih berkesan dan bermakna.

Di samping itu, guru Pendidikan Jasmani menggunakan masa yang banyak untuk pengurusan ruang, alatan dan pelajar semasa sesi pengajaran Pendidikan Jasmani. Hasilnya, masa untuk pelajar melakukan tugas belajar secara aktif adalah terhad (Freedman, 1978; Quarterman, 1977; Stewart, 1977). Masalahnya, jika pelajar menghabiskan masa yang banyak dalam Pendidikan Jasmani dengan melakukan aktiviti pengurusan dan menunggu arahan guru, maka masa untuk pelajar melakukan tugas belajar yang sebenarnya akan terjejas.

Objektif Kajian

Kajian tentang masa pembelajaran akademik dalam Pendidikan Jasmani merangkumi pelbagai kriteria. Tumpuan kajian ini adalah mengikut objektif berikut:

1. Mengumpul maklumat tentang masa sebenar mengajar, masa pembelajaran akademik, masa tugas pelajar, masa tugas kandungan, masa menunggu dan masa pengurusan, hasil dari pemerhatian sistematik yang berdasarkan model pemerhatian oleh Siedentop, Tousignant dan Parker (1982).
2. Mengukur peratus masa yang terkandung dalam masa sebenar mengajar untuk satu waktu pelajaran Pendidikan Jasmani bagi pelajar di sekolah menengah daerah Hulu Langat Selangor. Masa yang terkandung dalam masa sebenar mengajar ialah masa pembelajaran akademik, masa tugas pelajar, masa tugas kandungan, masa menunggu dan masa pengurusan.
3. Menentukan sama ada wujud hubungan di antara masa pembelajaran akademik dengan masa tugas pelajar dalam satu waktu pelajaran Pendidikan Jasmani.
4. Menentukan sama ada wujud hubungan di antara masa pembelajaran akademik dengan masa tugas kandungan dalam satu waktu pelajaran Pendidikan Jasmani.
5. Menentukan sama ada wujud hubungan di antara masa tugas pelajar dengan masa tugas kandungan dalam satu waktu pelajaran Pendidikan Jasmani.